

FOMCA syor tubuh **badan** perlindungan pengguna //

UM 2 DEC 1999

KUALA LUMPUR 11 Dis. — Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Prof. Hamdan Adnan mencadangkan penubuhan sebuah badan kajian khas mengenai perlindungan pengguna.

Badan itu yang wajar dibentuk oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, antara lain meneliti kaedah pendidikan pengguna dapat dipertingkatkan kepada masyarakat Malaysia.

Hamdan juga berharap dengan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai menteri baru di kementerian itu, hubungan kementerian dengan FOMCA dan persatuan-persatuan pengguna dapat dipertingkatkan.

Komited

Selain itu, katanya, kementerian berkenaan perlu memastikan bahagian penguatkuasaan pengguna lebih komited dalam melaksanakan operasinya.

Akta Perlindungan Pengguna yang digubal baru-baru ini harus memberikan perhatian terhadap aduan membabitkan perkara asas seperti masalah perumahan, kesihatan dan makanan.

Kementerian juga wajar meneliti kedudukan bahagian hal ehwal pengguna di kementerian itu yang kerap bertukar pengarah, katanya di sini hari ini.

Menurut beliau, kekerapan berganti pengarah menyebabkan pihak FOMCA serta persatuan pengguna mengalami masalah untuk membuat pengaduan atau sebarang urusan.

Semasa mengumumkan kabinet barunya semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menamakan Muhyiddin sebagai menteri di kementerian itu bagi menggantikan tempat Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.